

Tarikh Dibaca: 12 Februari 2021 | 30 Jumadal Akhirah 1442H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“JANGAN MEMFITNAH”

*Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



"JANGAN MEMFITNAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: وَالَّذِينَ يُؤْذُنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِغَيْرِ مَا
أَكْتَسَبُوا فَقَدِ احْتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا^١ ٥٨

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.^٢

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT. Laksanakanlah segala apa yang hanya dibenarkan olehNya. Moga kita menjadi insan yang taat dan seterusnya selamat dari kehinaan dunia dan selamat dari azab neraka Allah SWT di akhirat kelak.

Khutbah hari ini bertajuk "**JANGAN MEMFITNAH**".

Hadirin yang dirahmati Allah,

¹ Al-Ahzab : 58

² Ali-Imran : 102



Fitnah adalah tuduhan atau tohmahan yang sengaja diada-adakan sama ada ia berbentuk tulisan, gambar, video dan sebagainya. Fitnah adalah perbuatan keji yang boleh memburukkan atau memalukan seseorang, kumpulan atau institusi, sedangkan ia tidak benar sama sekali. Dengan perkembangan teknologi maklumat hari ini, penyebaran fitnah dalam media sosial yang telah disalahgunakan berlaku dengan cepat dan meluas melalui medium whatsapp, facebook, instagram (IG) dan sebagainya. Lebih malang ia disebar atas nama kebebasan bersuara tanpa diselidiki dan tanpa memikirkan kesan buruknya.

Sikap seumpama ini amat dilarang oleh Islam. Ini kerana Islam menganjurkan umatnya agar setiap berita yang diterima mestilah diselidiki terlebih dahulu sebelum disebarluaskan kepada orang lain.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 6:

يَأَيُّهَا الْذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبِإِ فَتَبَيَّنُوْا أَنْ تُصِيبُوْا
وَمَمَا يَجْهَلُهُ فَتُصْبِحُوْا عَلَى مَا فَعَلْتُمْ نَدِيمِينَ

"Wahai orang yang beriman, Jika datang kepada kamu seseorang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpa sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menyebabkan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan".

Berdasarkan ayat tersebut, wajib bagi setiap Muslim untuk menyelidiki segala berita yang diterima supaya tidak terbabit dalam kancang berita berunsur fitnah.

Muslimin tetamu Allah sekalian,



Fitnah adalah amat bahaya dan mesti dihindari. Ucapan dan tulisan fitnah boleh melahirkan sangkaan dan persepsi salah, membawa kebencian, persengketaan sesama sendiri dan seterusnya mencetuskan permusuhan. Fitnah akan membunuh karakter dan menyebabkan kehinaan kepada seseorang. Pembuat fitnah bukannya bimbang akan kegagalan seseorang, sebaliknya sangat takut akan kejayaan orang lain. Justeru permusuhan dan pembunuhan karakter ini pula bakal menjadi sebab musnahnya kerukunan bermasyarakat dan bernegara.

Ingatlah wahai penfitnah dan penyebar akan ancaman dan peringatan yang disampaikan oleh Nabi SAW melalui sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu:

إِنَّ الْعَبْدَ يَتَكَلُّمُ بِالْكَلِمَةِ مَا يَتَبَيَّنُ فِيهَا، يَزِلُّ بِهَا إِلَى النَّارِ
أَبْعَدِ مِمَّا بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ

“Sesungguhnya seorang hamba apabila menuturkan satu perkataan yang tidak dipastikan kebenarannya terlebih dahulu, akan membawanya ke neraka yang jaraknya lebih jauh dari jarak antara timur dan barat”.

(Muttafaqun Alaih).

Hadirin jumaat sekalian,

Fitnah boleh berlaku sama ada disedari atau tidak apabila seseorang menyebut atau menceritakan keburukan seseorang tanpa menyiasat terlebih dahulu. Penyebar fitnah biasanya berselindung di sebalik istilah tertentu seperti “dengar khabar”, “dengar cerita” atau “mohon pencerahan”. Namun, apabila sesuatu fitnah disampaikan daripada seorang ke seorang yang lain, menjadi buah mulut tanpa henti dan diulang-ulang, maklumat yang belum sahih itu seolah-olah sudah menjadi fakta yang benar.



Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 36:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ
أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْتُؤْلَةً ﴿٣٦﴾

"Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.

Perseteruan dalam kalangan pemimpin yang menggunakan senjata fitnah akan menjerumuskan negeri dan negara ke lembah kemusnahan. Fitnah adu domba telah menghancurkan harapan rakyat yang bernaung kepada pemimpin sebagai contoh ikutan, mengharmonikan antara satu sama lain, mentadbir negara dengan baik dan mensejahterakan kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Khalifah Islam yang kedua, Sayyidina Umar Al-Khatab R.A pernah berkata, "Seandainya seekor keldai terperosok jatuh di Kota Baghdad, nescaya Umar akan dipertanggungjawabkan dan akan ditanya di akhirat nanti, "Mengapa tidak kamu meratakan jalan untuknya?". Keadilan Umar al-Khattab bukan setakat kepada manusia, malah kepada semua makhluk Allah SAW. Rasulullah SAW memberikan peringatan keutamaan pemimpin untuk berlaku adil sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Auf bin Malik RadhiAllahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda :

إِنْ شِئْتُمْ أَنْبَأْتُكُمْ عَنِ الْإِمَارَةِ وَمَا هِيَ؟ أَوْلُهَا مَلَامَةٌ، وَثَانِهَا نَدَاءَةٌ، وَثَالِثُهَا عَذَابٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِلَّا مَنْ عَدَلَ



"Jika kamu semua mahu, aku akan memberitahu kamu apakah kepimpinan? Awalnya adalah celaan. Yang keduanya adalah penyesalan. Yang ketiganya adalah azab pada hari Kiamat kecuali orang yang berlaku adil."

(Riwayat Al-Tabarani)

Hadirin yang dirahmati Allah,

Antara nas-nas syarak yang melarang dan mengeji perbuatan menyebar fitnah adalah:

Pertama: Penabur fitnah adalah orang yang paling keji. Firman Allah SWT dalam surah al-Qalam ayat 10 dan 11:

وَلَا تُطِعْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿١٠﴾ هَمَّازٌ مَّشَاعِمَ بَنَمِيمٍ

"Dan janganlah engkau (berkisar dari pendirianmu yang benar, dan jangan) menurut kemahuan orang yang selalu bersumpah, lagi yang hina (pendapatnya dan amalannya), yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah belahkan orang ramai)."

Abdul Rahman Bin Ghanmin Radhiallahu Anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

شِرَارُ عِبَادِ اللَّهِ الْمَشَاؤُونَ بِالنَّمِيمَةِ، الْمُفَرِّقُونَ بَيْنَ الْأَحِبَّةِ،
الْبَاغُونَ الْبُرَاءَ الْعَنَتَ

"Sekeji-keji manusia ialah mereka yang berjalan mengadu domba (menabur fitnah), mereka yang melaga-lagakan di antara insan yang berkasih sayang dan mereka yang mencari-cari kesalahan terhadap orang yang tidak bersalah".



(Riwayat Ahmad).

Kedua: Penabur fitnah bakal mendapat azab. Hadis daripada Ibn Abbas Radhiallahu Anhu beliau berkata bahwa Rasulullah SAW pernah mengingatkan tentang dua orang yang sedang diazab di dalam kubur dengan sabdanya yang bermaksud:

“Sesungguhnya mereka berdua diazab dan tidaklah mereka berdua diazab disebabkan oleh dosa-dosa besar yang mereka lakukan tetapi disebabkan salah seorang mereka tidak berlindung ketika membuang air kecil dan seorang lagi memecah belahan masyarakat dengan berjalan menabur fitnah”.

(Riwayat al-Bukhari).

Dan dalam hadis yang lain yang diriwayatkan daripada Samurah bin Jundub Radhiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:

وَأَمَّا الرَّجُلُ الَّذِي أَتَيْتَ عَلَيْهِ، يُشَرِّشُ شِدْقَهُ إِلَى قَفَاهُ، وَمَنْخِرُهُ إِلَى قَفَاهُ، وَعَيْنُهُ إِلَى قَفَاهُ، فَإِنَّهُ الرَّجُلُ يَغْدُو مِنْ بَيْتِهِ، فَيَكْذِبُ الْكَذْبَةَ تَبْلُغُ الْأَفَاقَ

“Adapun orang yang diseksa dengan penyangkut besi yang menembusi pipi sehingga ke belakang lehernya dan disangkut lubang hidung sehingga menembusi belakang lehernya dan disangkut mata sehingga menembusi batang lehernya ialah kerana kerjanya sejak pagi menyebarkan pembohongan daripada rumahnya sehingga ke seluruh ufuk penjuru dunia”.

(Riwayat al-Bukhari).



Ketiga: Penabur fitnah tidak akan masuk Syurga. Sebagaimana diriwayatkan daripada Huzaifah Radhiyallahu Anhu bahawa dia mendengar Nabi SAW bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاتٌ

"Penabur fitnah tidak akan masuk syurga".

(Riwayat al-Bukhari).

Keempat: Azab pedih menanti orang yang bergelumang dengan fitnah sebagaimana firman Allah dalam surah An-Nur ayat 19:

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَن تَشْيَعَ الْفَحْشَةُ فِي الَّذِينَ عَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ
فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ۖ

"Sesungguhnya orang-orang yang suka menghebahkan tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian)."

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah yang disampaikan pada hari yang mulia ini khatib ingin berpesan kepada hadirin Jumaat yang berbahagia agar:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa setiap perkataan dan perbuatan kita akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT pada hari akhirat kelak.



2. Umat Islam dilarang menyebarkan fitnah kerana boleh menimbulkan perpecahan dan perbalahan.
3. Umat Islam hendaklah berwaspada dengan sentiasa menyelidik setiap sebaran berita yang diterima untuk mengelakkan tersebarnya gejala fitnah yang sangat bahaya dan,
4. Ingatlah bahawa penfitnah adalah orang yang bankrup dihadapan Allah SWT kerana tuntutan orang yang difitnah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسِّعُ بِهِ نَفْسُهُ وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ^{١٦} إِذْ يَتَلَقَّى الْمُتَلَقِّيَانِ عَنِ الْيَمِينِ وَعَنِ الْشِّمَاءِ قَعِيدُ^{١٧} مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدُ^{١٨}

"Dan demi sesungguhnya, Kami telah mencipta manusia dan Kami sedia mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, sedang (pengetahuan) Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya, Semasa dua malaikat (yang mengawal dan menjaganya) menerima dan menulis segala perkataan dan perbuatannya; yang satu duduk di sebelah kanannya, dan yang satu lagi di sebelah kirinya. Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya)."

(Surah Qaf: 16-18).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي
وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيْبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا
اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَأْ عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

⑥

Hadirin yang berbahagia,

Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang sahih. Umat Islam hendaklah bersatu hati menghadapi persekitaran, ideologi songsang dan ancaman musuh-musuh Islam. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling asas ke arah pembinaan ummah yang bermaruah berwibawa dan cemerlang. Bersatulah dengan semangat kalimah tauhid, **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ**, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta Qudwah Rasulullah SAW.

Statistik Covid-19 di Selangor yang tinggi memerlukan kepatuhan yang tinggi juga terhadap ketetapan SOP utama, SOP JAIS dalam mencegah penularan dan kawalan kendiri masing-masing dalam situasi yang sukar ini. Tingkatkan keyakinan kepada Allah SWT, mengesakan-Nya dan menyucikan-Nya serta bertaubatlah. Renungkanlah kesalahan



lalu masing-masing sehingga Allah SWT mangantar bala dan musibah ini. Bukan sibuk membuat tohmahan, memfitnah atau menyalahkan pihak-pihak yang sedang berusaha keras menghadapi keadaan ini.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ وِقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سلاَّعُورِ،
سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسَ شَاهَ الْحَاجِ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحَ الدِّينِ عَبْدَ الْعَزِيزَ شَاهَ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ
الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ
عَهْدِ سلاَّعُورِ، تَعْكُو أَمِيرَ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ
ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنِ وَصَالَحِ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ
يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا، مُصْلِحَيْنِ
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.



Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَادَ وَالْمَحَنَّ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ
إِمَامًا. رَبَّنَا إَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ .

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَتِهِ يَزِدُّكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.